

5



Sembahyang Sunat Hajat,
Membaca Surah Yasin dan Doa
Khas Bagi Memohon Perlindungan
dan Keselamatan Untuk Rakyat
dan Negara Palestin

6



Tinjau Persediaan Pelaksanaan
Pengintegrasian



BERITA UTAMA

MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS
WANITA SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM ➤3
BAGI TAHUN 1445 HIJRAH

مُسْلِمِينَ MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan : Pusat Da'wah Islamiyah

OKTOBER 2023M

Rabiulawal - Rabiulakhir 1445H
Tahun 35 • Bil 10

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
Oktober
30
Orang

Doa Selamat
Sempena Pelaksanaan
Pengintegrasian

Dikir Brunei Merupakan
Khazanah Warisan
Orang-orang Melayu
Brunei

Majlis Perhimpunan
Malam Munajat Anjuran
Kementerian Hal Ehwal
Ugama Kali ke-109
dengan Kerjasama
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

7 Majlis Doa Kesukuran
Sempena Menyambut
Puja Usia Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Raja Isteri
Yang ke-77 Tahun

8

13 Taklimat
Pengintegrasian Mata
Pelajaran Ugama
ke Dalam Sistem
Pendidikan Umum

14 50 Peserta Menyertai
Program Jelajah Muallaf
dan Belia Muallaf
Prihatin



www.kheu.gov.bn




pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293



Doa Rabbana Dalam Al-Quran

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Azizah binti Hidup • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlia bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •



HINDARI KEZALIMAN

Dan janganlah sekali-kali engkau (wahai Nabi Muhammad) menyangka bahawa Allah lalai daripada apa yang dikerjakan oleh orang-orang zalim. Sesungguhnya Dia menangguhkan (balasan) mereka hingga ke suatu hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbeliak (kerana gerun melihat keadaan yang berlaku).

Surah Ibrahiim: 42

Islam sangat menentang segala bentuk kezaliman. Oleh kerana itu, keadilan dan kezaliman adalah dua hal yang sangat bertentangan. Keadilan adalah hal yang diperintahkan dan perlu ditegakkan, sementara kezaliman adalah hal yang sangat dilarang oleh Islam dan merupakan satu perbuatan yang tercela dan tidak terpuji.

Bagi seorang muslim, kezaliman adalah tindakan yang harus dijauhi dan dicegah. Kezaliman yang dilakukan pasti akan mendatangkan kemudharatan dan juga dosa. Zalim mempunyai sinonim yang pelbagai dan selalunya dikaitkan dengan perbuatan bengis, keji, kejam, kasar, jahat, jahil, dan sebagainya. Dalam surah Huud ayat 18, Allah Subhanahu wa Ta'alā telah berfirman, mafhumnya:

Ketahuilah la'nat Allah (ditimpakan) ke atas orang-orang zalim

Dalam dunia yang semakin moden ini, tanpa disedari segelintir masyarakat ada yang menyalimi diri sendiri apabila lebih cenderung mencintai kenikmatan dunia dan semakin jauh daripada mengamalkan nilai-nilai Islam. Maka kezaliman itu berleluasa seperti penipuan, judi, arak, syirik, zina, khianat, melakukan penganiayaan sesama manusia yang mendatangkan kerugian pada diri sendiri. Kita sebagai umat Islam hendaklah menolak kezaliman ini seperti dalam sebuah hadits Qudsi daripada Abu Dzar Radhiallahu 'anhu, daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam apa yang baginda riwayatkan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alā, bahawa Dia berfirman:

"Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku telah menetapkannya sebagai sesuatu yang diharamkan di antara kamu, maka janganlah kamu saling menyalimi."

DOA AGAR TERGOLONG DALAM KALANGAN ORANG-ORANG YANG BERIMAN

رَبَّنَا إِمَّا بِمَا أَنْزَلْتَ وَاتَّبَعْنَا الرَّسُولَ فَامْكُنْتَنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

MAFHUMNYA:

"Ya Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan (Kitab Injil) dan kami telah mengikut Rasul, oleh itujadikanlah kami bersama golongan orang yang menjadi saksi (tentang keesaan-Mu dan kebenaran Rasul-Mu)."

Surah Aali-'Imraan, ayat 53

MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM BAGI TAHUN 1445 HIJRAH

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan paduka-paduka anakanda berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi wa sallam bagi tahun 1445 Hijrah.

JERUDONG, Khamis, 26 Oktober bersamaan **12**

Oktober – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bagi tahun 1445 Hijrah. Majlis berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Raes Kolej ms.4

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Yang Mulia Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Penasihat-penasihat Bersama dan Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam Tahun 1445 Hijrah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Yang Mulia Dr Siti Wardah binti Mejari (B) Haji Abd Rahman, Naib Johan Qariah, Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Ustazah Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar, Pemangku Penolong Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam tahun 1445 Hijrah.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Persembahan dibawakan

oleh para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Majlis diserikan dengan Tazkirah Khas bertajuk "Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati" disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Ummi Faizah binti Haji Abd Rahman, Penolong Profesof, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Acara diteruskan dengan bacaan selawat oleh Siswi 'Aliyah Tertinggi Qira'at Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Ustazah Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis setelah selesai acara.



SEMAH alu-aluan oleh Ustazah Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar, Pemangku Penolong Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.



MAJIS diserikan lagi dengan bacaan selawat oleh Siswi 'Aliyah Tertinggi Qira'at Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

SEMBAHYANG SUNAT HAJAT, MEMBACA SURAH YASIN DAN DOA KHAS BAGI MEMOHON PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN UNTUK RAKYAT DAN NEGARA PALESTIN

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham dan Yang Berhormat/Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim semasa menuaikan sembahyang Sunat Hajat bagi memohon perlindungan Palestin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Rabiulawal bersamaan

12 Oktober – Bagi memohon doa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar rakyat dan negara Palestin diberi perlindungan dan keselamatan, umat Islam di Negara ini bersama-sama menuaikan Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yasin dan Doa Khas di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Acara anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama ini dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Mulia Setiausaha-tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian-kementerian.

Turut hadir mahasiswa-mahasiswa dari institusi-institusi pendidikan tinggi serta Belia Daie, Belia Masjid dan Muslimah Masjid.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah diikuti



ANTARA yang menghadiri majlis di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kiarong.

Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong. Sejurus itu, azan Fardhu Isya' dikumandangkan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong. Manakala Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yasin dan Doa Khas tersebut juga telah diadakan serentak di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan utama di setiap daerah iaitu di Daerah Brunei Muara, acara diadakan di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong. Di Daerah Belait, acara mengambil tempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Bagi Daerah Tutong, diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. ■

TINJAU PERSEDIAAN PELAKSANAAN PENGINTEGRASIAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah semasa mengadakan lawatan kerja ke salah sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Rabiulakhir bersamaan 30 Oktober

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh serta rombongan telah mengadakan beberapa lawatan kerja secara serentak ke sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengadakan lawatan kedua buah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah swasta di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Rendah Mabohai, Sekolah Rendah Pusat Ulak dan Sekolah St. Andrew.

Lawatan tersebut diadakan adalah sempena pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum yang akan bermula pada hari Rabu, 1 November 2023.

Tujuan lawatan berkenaan adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat persediaan dalam pelaksanaan pengintegrasian berkenaan. Ia juga bermatlamat untuk mengadakan sesi perbincangan bersama para pemimpin sekolah dan guru-guru agama.

Lawatan kerja itu menumpukan kepada peninjauan prasarana dan kemudahan sekolah seperti tempat berwudhu, ruang sembahyang, ruang makan, tempat menunggu dan lain-lain.

Selain itu, rombongan juga berpeluang untuk menyaksikan dengan lebih dekat persediaan bagi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran agama nanti setelah pengintegrasian bermula termasuk penjadualan bagi mata pelajaran berkenaan.

Turut mengadakan lawatan kerja ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim



LAWATAN kerja dua kementerian semasa perlaksanaan pengintegrasian.

yang mengadakan lawatan ke dua buah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah swasta di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana, Sekolah Rendah Mata-Mata dan Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar.

Manakala, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin telah mengadakan lawatan ke dua buah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah swasta di Daerah Temburong iaitu Sekolah Rendah Puni, Sekolah Rendah Amo dan Sekolah Suria Jaya.

Sementara itu, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh telah mengadakan lawatan ke dua buah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah swasta di Daerah Brunei dan Muara iaitu Sekolah Antarabangsa Jerudong, Sekolah Rendah Rimba II dan Sekolah Rendah Rimba III.

Lawatan-lawatan kerja secara serentak ke 48 buah sekolah kerajaan dan swasta di semua daerah itu juga melibatkan para pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan. ■

DOA SELAMAT SEMPENA PELAKSANAAN PENGINTEGRASIAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Badaruddin dan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah ketika menghadiri majlis tersebut di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Rabiulakhir bersamaan 31 Oktober

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Doa Selamat sempena Pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum, bertempat di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir ke majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku-pemangku Timbalan Setiausaha Tetap serta Ketua-ketua Jabatan dari KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatiha dan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Majlis tersebut diadakan bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar Pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum akan berjalan dengan lancar. Pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum akan mula dilaksanakan pada hari Rabu, 17 Rabiulakhir 1445 bersamaan 1 November 2023. ■



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

DIKIR BRUNEI MERUPAKAN KHAZANAH WARISAN ORANG-ORANG MELAYU BRUNEI

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada juara pasukan lelaki.

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Rabiulawal bersamaan 8 Oktober

Pasukan lelaki dari Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dan pasukan perempuan dari Masjid Kampong Batu Apoi muncul juara dalam kategori masing-masing pada Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid serta Muslimah Masjid Senegara bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bagi Tahun 1445H/2023M.

Naib johan Kategori Lelaki disandang oleh Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan manakala tempat ketiga milik Masjid Kampong Sungai Hanching.

Bagi Kategori Perempuan naib johan disandang oleh Balai Ibadat Mukim Saba dan tempat ketiga diraih oleh Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Sebanyak 10 pasukan iaitu enam pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan menyertai pertandingan itu yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran

Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama telah menerima kunjungan hormat daripada Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak ke Negara Brunei Darussalam secara berasingan.

Pertandingan Dikir Brunei yang diungkayahkan bersama oleh



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada juara pasukan perempuan.

Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama AJKT Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop itu diadakan untuk melahirkan pegawai masjid, ahli jawatankuasa takmir, jemaah dan Muslimah masjid yang pandai melakukan lagu-lagu Dikir Brunei sekali gus dapat mempertahankan lagu-lagu Dikir Brunei agar tidak pupus ditelan zaman.

Di samping mengetahui teknik-teknik alunan dikir dengan betul, pertandingan juga dihasratkan untuk menambah keyakinan diri para peserta khususnya, untuk mengikuti pelbagai pertandingan dikir dan seterusnya dapat mengeratkan silaturrahim sesama mereka.

Dikir Brunei merupakan salah satu khazanah bernilai yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman berzaman. ■

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DUTA-DUTA BESAR DAN MUTLAK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Dahlan Chuchu

Bandar Seri Begawan, Rabu, 10 Rabiulakhir bersamaan 25 Oktober

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama telah menerima kunjungan hormat daripada Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak ke Negara Brunei Darussalam secara berasingan.

Kunjungan hormat berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Mula-mula Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan Hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mr.Tran Anh Vu.



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama semasa terima Kunjungan Hormat daripada Tuan Yang Terutama Mr. Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China.

Tuan Yang Terutama Mr.Tran Anh Vu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023.

Sejurus itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mr.Xiao Jianguo.

Hadir sama pada kunjungan hormat tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama semasa terima Kunjungan Hormat daripada Tuan Yang Terutama Mr.Tran Anh Vu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam.

Tuan Yang Terutama Mr. Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 September 2023. ■

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA MENGHADIRI PROGRAM SENIOR FELLOWSHIP IN PUBLIC SERVICE 2023 DI REPUBLIK SINGAPURA

Oleh : Azizah Hidup



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berlepas meninggalkan negara bagi mengikuti Program Senior Fellowship in Public Service 2023 di Republik Singapura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Rabiulawal bersamaan

15 Oktober - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Abd. Rajid bin Haji Md Salleh serta pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

2023 di Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Md Salleh serta pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

antara lain memfokuskan kepada pembangunan kepimpinan dan kecekapan tadbir urus serta melengkapkan para peserta dengan bekalan dan persiapan untuk menghadapi cabaran di peringkat global. Program diadakan selama 6 minggu bermula 16 Oktober hingga 24 November 2023. ■

Program Senior Fellowship in Public Service 2023 merupakan anjuran Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), Republik Singapura. Program tersebut



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai sebelum rombongan bertolak.

MAJLIS PERHIMPUNAN MALAM MUNAJAT ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KALI KE-109 DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MAJLIS dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Dato Seria Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Hari Sabtu, 13 Rabiulakhir bersamaan

28 Oktober – Majlis Perhimpunan Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama kali ke-109 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampong Sengkarai, Daerah Tutong.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Turut hadir ialah setiausaha-setiausaha tetap dan timbalan setiausaha tetap, jemputan khas, para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

Penyertaan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 88 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara juga telah menyemarakkan Majlis Perhimpunan Malam Munajat. Di samping menghadiri secara fizikal, orang ramai juga mengikuti secara maya dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau <http://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Farisza bin Ali, Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Diikuti dengan bacaan surah ad-Dukhhaan dipimpin oleh Yang Mulia Awang Ahmad Muhammad @ Munir bin Haji Ibrahim, Pegawai Pelajaran, Tenaga Pengajar Ma'had Islam Brunei, Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya bacaan Doa Munajat dibaca oleh Yang Mulia Awang

Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis Perhimpunan Malam Munajat ini diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk "Iktibar Dari Surah ad-Dukhhaan" disampaikan oleh Yang Mulia Awang Asminan bin Haji Chchu, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bacaan selawat "Allahu Rabbuna" dipimpin oleh Yang Mulia Awang Farisza bin Ali, Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi memberkati Majlis Perhimpunan Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Awang Abdul Hafiy bin Haji Yahya, Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampong Sengkarai Tutong. ■

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA MENYAMPUT PUJA USIA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI YANG KE 77 TAHUN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



HADIR selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, Isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Rabiulakhir bersamaan 16 Oktober

Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampong Rimba mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Menyambut Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, Isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat. Majlis diikuti dengan bacaan surah al-Kahfi yang dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat 2, Tenaga Pembimbing Masjid RIPAHS, Dayang Siti Dzuhairah binti Awang Haji Damit.

Acara kemudiannya disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha oleh Pegawai Ugama

Kanan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Sementara itu, Doa Pelihara Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Pegawai Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid JHEM, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit.

Majlis Kesyukuran ini diadakan adalah bertujuan untuk memohon doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam sentiasa sihat walafiat dan dalam lindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Majlis berkenaan juga adalah sebagai tanda kasih dan syukur bersempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. selain untuk memberi kefahaman mengenai kelebihan membaca surah al-Kahfi. Acara itu juga dihasrat untuk menggalakkan dan menambah keramaian ahli kumpulan muslimah agar cenderung ke masjid sekaligus mengeratkan lagi silaturrahim kalangan ahli kelas bimbingan muslimah. ■



ANTARA yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Menyambut Puja Usia KDYMM Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

TAKLIMAT PENGINTEGRASIAN MATA PELAJARAN UGAMA KE DALAM SISTEM PENDIDIKAN UMUM

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



TAKLIMAT disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Rabiulakhir bersamaan 25 Oktober

Bagi meningkatkan lagi kefahaman mengenai pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum yang mula dilaksanakan pada hari Rabu, 17 Rabiulakhir 1445H bersamaan 1 November 2023M, Jabatan Pengajian Islam telah mengadakan sesi taklimat yang mengambil tempat di Auditorium I, Sekolah Ugama Arab Ugama

Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Katok.

Taklimat pada sesi pagi telah disasarkan kepada 145 orang guru-guru besar sekolah ugama seluruh negara. Manakala, taklimat pada sesi petang pula dihadiri oleh 178 orang ketua-ketua guru ugama IRK, Jabatan Pengajian Islam.

Taklimat telah disampaikan oleh Yang

Mulia Ustaz Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesi taklimat juga dihadiri oleh Penolong Pengarah Perkhidmatan Korporat, Penolong Pengarah Institusi Pengajian, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua unit di Jabatan Pengajian Islam. Sesi taklimat juga diselanjurkan dengan sesi soal jawab di antara yang hadir bersama pihak Jabatan Pengajian Islam. ■



ANTARA yang hadir Taklimat Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum.

50 PESERTA MENYERTAI PROGRAM JELAJAH MUALLAF DAN BELIA MUALLAF PRIHATIN

Oleh : Azizah Hidup



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa bergambar kenangan bersama para peserta yang menyertai program tersebut di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad,

14 Rabiulakhir bersamaan 29 Oktober

- Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Unit Da'wah Tutong dan Belia Muallaf As-Syahada mengadakan Program Jelajah Muallaf dan Belia Muallaf Prihatin bertempat di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan.

Seramai 50 orang telah menyertai program tersebut yang terdiri daripada penduduk Kampong Long Mayan sama ada muallaf atau 'non-Muslim'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman dan Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah, Unit

Da'wah Tutong dan Belia-Belia Muallaf Asy-Syahada dan warga Takmir Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan.

Majlis dimulakan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Aktiviti Family Explorace dan diselanjurkan dengan penyampaian barang-barang sumbangan kepada 20 buah keluarga asnaf muallaf Kampung Long Mayan.

Sumbangan tersebut merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan bagi Program Belia Muallaf Prihatin yang dilaksanakan setiap tahun oleh Belia Muallaf As-Syahada. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan bergambar ramai.

kemusyikan yang dihadapi oleh belia muallaf di pedalaman dan kemudian berkongsi pendapat dan idea sesama belia dan masyarakat.

Di samping itu, mengambil pengajaran serta pengalaman daripada Pusat Da'wah Islamiah tentang pendekatan dakwah yang diguna pakai semasa melaksanakan dakwah 'non-Muslim' di pedalaman dan mendedahkan Ahli Jawatankuasa dan Ahli Belia Muallaf As-Syahada amalan berbagi dengan masyarakat melalui sumbangan Belia Muallaf Prihatin.



TETAMU kehormat majlis menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim bersama masyarakat muallaf di pedalaman serta mengenal pasti

PEJUANG FAJR KALI KE-II BERSAMA QARI MUZAMMIL HASBALLAH

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MUZAMMIL Hasballah mengimamkan Sembahyang Fardhu Subuh semasa program berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat,

13 Oktober bersamaan

13 Oktober - Pusat Da'wah Islamiah melalui Urus Setia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Badan Sukarelawan Belia Da'ie telah mengadakan Program Pejuang Fajr Kali Ke-II bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Bandar Seri Begawan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Ustaz Awang Ruslan bin Haji Sulaiman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir jemputan khas bagi program tersebut, Yang Mulia Ustaz Muzammil Hasballah, Da'ie dan Qari dari Negara Republik Indonesia.

Seramai 100 orang menghadiri program tersebut terdiri daripada para jemputan, pegawai serta kakitangan Pusat Da'wah Islamiah, belia-belia Program Keugamaan Belia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Belia Masjid Ash-Shaliheen, Muslimah Masjid Ash-Shaliheen, jema'ah masjid dan ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie serta orang awam. Program itu juga disiarkan secara langsung melalui laman media sosial Instagram Belia Da'ie.

Dr Muhamad Abdur, Profesor Madya daripada Universiti Brunei Darussalam. Kemudiannya bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Tasbih Kaffarah dan surah al-'Ashr; dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengaktifkan peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan da'wah dan *amr ma'ruf nahi mungkar* di Negara Brunei Darussalam melalui kempen Sembahyang Fardhu Subuh dan sebagai medium kesedaran bagi para belia keseluruhannya untuk menunaikan sembahyang Fardhu Subuh. Selain daripada bertujuan untuk mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat, program ini juga mengajak dan menggalakkan para Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, ahli rasmi malahan orang awam untuk sentiasa melazimi sunnah Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam agar mengamalkan pembacaan surah al-Kahfi pada setiap hari Jumaat.

قریوکرم چواع فجر
Program Pejuang Fajr
QIYAMULLAIL - SEMBAHYANG - KULIAH SUBUH - BACAAN SURAH AL-KAHFI

Muzammil Hasballah
Da'ie & Qari Dari Indonesia
Imam Qiyamulail &
Solat Fardhu Subuh

Dr. Muhamad Abdur
Profesor Madya
Universiti Brunei Darussalam
Penyampai Kuliah Subuh:
"HIDUP BERNADIKAN AL-QUR'AN"



Majlis Pengislaman OKTOBER 2023



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023



	Dewasa	Kanak-Kanak
Brunei Muara	8	2
	7	1



	Dewasa	Kanak-Kanak
Tutong	1	-
	4	-



Jumlah Keseluruhan JAN-OKT 2023	324 Orang



	Dewasa	Kanak-Kanak
Belait	3	-
	4	-



	Dewasa	Kanak-Kanak
Temburong	-	-

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ خُلُوْفُ الْسَّلَامِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُولَ الشَّيْطَانِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَذَابٌ مُّبِينٌ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

Surah al-Baqarah ayat 208



Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Features

CHALLENGES FACED BY WORKING MUSLIM WOMEN
in a Muslim society as wives and mothers

Sharifah Khadijah Hussein Alkaff

THE WIFE IN ISLAM

Allah Subhanahu wa Ta'alaa says in Surah al-Ahzab:33:

(The interpretation of which means): *And Stay in your homes, and display not yourselves like the displaying of the former time of ignorance...*

Allah Subhanahu wa Ta'alaa has not prohibited women from working, but He has provided numerous protections for women, that are primarily concerned with where, how, and with whom she associates. Therefore, as God-fearing Muslims, we should seriously consider the costs and benefits of working

outside the home and the impact it has on our primary responsibilities to Allah Subhanahu wa Ta'alaa and to our families.

The questions to ask ourselves at this juncture are: Does working outside the home compromise our roles as Muslim mothers and wives? Are we able to be the best Muslim wife and mother that we can be holding a career that keeps us out of the house for six to eight hours or more, five times a week?

The alarming truth is that divorce has increased in many Islamic countries. Economic independence of women has contributed greatly to the degeneration of the family. Working wives with marital problems especially those who earn more than their husbands, often turn to divorce because they don't see why they have to put up with problematic husbands when they are financially secure!

Apart from family-related challenges there are also work-related challenges a working Muslimah needs to consider.

MR. DON'T HANG-UP

A 37 year old Japanese man was once arrested for making 2,600 calls to the directory operator. She was so tired of him that she gave him a nickname: Mr. 'Don't-Hang-Up'! When he was asked why he had harassed the telephonist with his incessant phone-calls, he simply replied: *I love the sound of her voice!*

This means that we have to be careful, of not only the words we use, but even the tone of our voice and how it can affect men.

WUDHUP

- Wudhu' ertinya air sembahyang
- Mengambil wudhu' ertinya mengambil air sembahyang
- Hukum mengambil wudhu' itu wajib ke atas orang yang hendak sembahyang
- Sembahyang dengan tidak berwudhu', hukum sembahyang itu tidak sah.

Rukun Wudhu'

- 1 Niat
- 2 Membasuh Muka
- 3 Membasuh dua belah tangan hingga ke siku
- 4 Menyapu sedikit daripada kepala
- 5 Membasuh kedua-dua belah kaki hingga buku lali
- 6 Tertib (Dilaksanakan secara urutan)



Asyham
أشهم
Yang lebih bijak, menjaga maruah

Nafi'
نافع
Yang berguna

Zakiuddin
ذكي الدين
Pintar dalam agama

NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit

Hadits Riwayat Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya, daripada 'Aisyah RadhiAllahu 'anha, Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah mengubah nama yang buruk..."



Afrah
أفراح
Segala kegembiraan

Dalilati
دليلتي
Buktiku yang terang

Muthma'innah
مطمئنة
Tenang, tenteram



KEBERKATAN NASIHAT IBU BAPA

“ Para ibu bapa mesti terus memainkan peranan mengasuh dan mendidik anak-anak, termasuk ke atas mereka yang akan dan sudah mendirikan rumah tangga, masih sahaja perlu ditegur atau diingatkan bagaimana menjaga atau memelihara keutuhan keluarga yang dibina. Kerana nasihat atau peringatan daripada ibu bapa itu adalah sangat besar pengaruhnya, di samping mempunyai keberkatan tersendiri. ”

DOA UNTUK RAKYAT PALESTIN

اللَّهُمَّ أَعِزِّ إِلْسَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ خَاصَّةً،
وَانصُرْهُمْ عَلَى أَعْدَائِكَ أَعْدَاءِ الدِّينِ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ
الشَّدَادِ وَالْفِتَنَ وَالْمِحْنَ وَشُرُورَ الْحُرُوبِ وَالْغُدْوَانِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

TERJEMAHAN MAKNA DOA

“Ya Allah, kuatkanlah Islam dan umat Islam di Palestin khususnya, dan berikanlah kemenangan kepada mereka menghadapi musuh-musuh agama, dan hilangkanlah dari mereka kepayaan, ujian, bala kesusahan dan kejahatan peperangan serta pencerobohan, dengan berkat Rahmat-Mu Ya Allah Yang Maha Penyayang.”

PDI_KHEU PUSAT DA'WAH ISLAMIAH MINDA ISLAMI

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DELEGASI THE CENTRAL THEORETICAL COUNCIL (CTC) OF THE CENTRAL COMMITTEE OF THE COMMUNIST PARTY OF VIET NAM

Oleh : Azizah Hidup



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam semasa menerima kunjungan hormat daripada Delegasi The Central Theoretical Council (CTC) of the Central Committee of The Communist Party of Viet Nam. Delegasi diketuai oleh Assoc. Prof. Dr. Pham Van Linh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Rabiulawal bersamaan 9 Oktober

Oktober – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menerima Kunjungan Hormat daripada delegasi The Central Theoretical Council (CTC) of the Central Committee of The Communist Party of Viet Nam. Delegasi diketuai oleh Assoc. Prof. Dr. Pham Van Linh.

Kunjungan hormat berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Turut mengiringi Assoc. Prof. Dr. Pham Van Linh dan rombongan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

Delegasi The Central Theoretical Council (CTC) of the Central Committee of The Communist Party of Viet Nam dalam siri lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada 9-10 Oktober 2023.

Antara tujuan lawatan ialah untuk bertukar maklumat mengenai

perkembangan perkhidmatan ugama dan meneroka bidang kerjasama antara kedua belah pihak termasuk berkenaan pensijilan halal. ▀

